

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Minda Pengarang 

Cegah penularan batuk kokol seperti melawan COVID-19

Mengikut Kementerian Kesihatan (KKM) sehingga Sabtu lalu, sebanyak 329 kes pertussis dengan 23 kematian dilaporkan di seluruh negara tahun ini berbanding 697 kes dicatatkan dalam tempoh sama pada 2019.

Daripada 329 kes pertussis dilaporkan tahun ini, 219 kes atau 66.6 peratus membabitkan rakyat tempatan, manakala baki 110 kes membabitkan bukan warganegara. Bayi berusia bawah 12 bulan adalah kumpulan umur mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 189 kes.

Batuk kokol adalah wabak penyakit dikategorikan sebagai endemik, bermakna ancaman bahaya daripada penyakit ini tidak boleh dipandang ringan setiap rakyat. Apatah lagi kita masih dalam fasa peralihan ke endemik COVID-19, bermakna bahaya penyakit ini mengakibatkan radang paru-paru, otak dan sawan dan mudah berjangkit serta boleh membawa maut.

Rakyat tidak boleh ambil mudah ancaman endemik ini kerana ia tetap berisiko menyebabkan kematian, jika itu memang ditakdirkan. Namun sebagai manusia, kita wajib berusaha mengelak daripada ancaman penyakit. Pencegah lebih baik daripada merawat. Jangan sudah terhantuk baru nak terngadah.

Walaupun jangkitan terkawal, kita amat berharap sentiasa berwaspada dan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan pertussis tidak menjadi masalah kesihatan utama di negara ini. Seperti difahami, endemik ini boleh dicegah di peringkat awal kelahiran kanak-kanak sehingga berusia 18 bulan menerusi suntikan vaksin imunisasi.

Masalahnya ketika ini, tiada undang-undang atau peraturan khusus wujud untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat suntikan vaksin atau imunisasi lengkap mengikut Jadual Imunisasi Kebangsaan.

Walaupun mendapatkan imunisasi untuk kanak-kanak adalah satu pilihan, namun ibu bapa seharusnya berfikir panjang, iaitu mengutamakan kesihatan anak supaya mendapat imunisasi secukupnya bagi memutuskan rantaian wabak ini pada masa depan.

Bermakna, kempen kesedaran menggalakkan ibu bapa memastikan anak mereka menerima imunisasi ditetapkan KKM perlu dipertingkatkan dengan menerapkan elemen pendidikan mengenai impak bakal dialami diri, masyarakat dan negara jika mengambil mudah soal penjagaan kesihatan serta pencegahan wabak ini.

Pada masa sama, banjiriran warga asing bekerja di negara ini seperti dalam sektor perkhidmatan dan makanan turut dipercayai antara punca banyak penyakit berjaya dikawal penularannya sebelum ini seperti tibi, muncul kembali. Maka saringan kesihatan warga asing diambil bekerja di negara ini juga perlu lebih ketat dan tegas.

Ia bagi mengelak wabak berbahaya seperti pertussis dan tibi muncul kembali di negara ini serta menular sehingga mengancam keselamatan nasional. Bukan waktunya lagi untuk kerajaan memandang remeh soal penularan penyakit boleh berjangkit ini.

Pengalaman ketika negara 'dilanggar' COVID-19 sepatutnya menjadi iktibar kepada semua pihak terutama kerajaan, KKM dan kementerian bahawa soal mengawal penularan penyakit tidak boleh dikompromi sama sekali kerana ia membabitkan isu keselamatan negara.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

Vaksinasi langkah cegah penularan

Kuala Lumpur: Tiada cara lain untuk mengekang penularan jangkitan pertussis atau batuk kokol kecuali dengan vaksinasi dan meminta mereka yang dijangkiti supaya dikuarantinkan.

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata langkah itu perlu diambil kerana penyakit berkenaan mudah merebak melalui titisan udara disebabkan bakteria *bordetella pertussis*.

Katanya, tempoh mengeram bagi bakteria terabit adalah antara satu hingga lima hari, walaupun ada yang berlanjutan hingga 10 hari.

"Masa paling mudah bakteria merebak adalah ketika pesakit mula batuk dan menjangkiti kepada yang lain.

"Misalnya, individu dewasa akan membawa kuman bakteria itu kepada ahli keluarga lain yang berada berdekatan seperti jangkitan COVID-19.

"Jadi mereka yang mempunyai batuk kokol ini perlu diasingkan dan juga tidak dibenarkan keluar dari kawasan rumah dan sebagainya serta dirawat di hospital jika keadaan pesakit teruk," katanya.

Semalam, Pakar Epidemiologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata individu didiagnosis jangkitan batuk kokol perlu diisolasi atau dikuarantin bagi mengelak penyakit itu merebak dalam kalangan masyarakat, terutama kanak-kanak.

Pesakit dijangkiti
batuk kokol
perlu dikuarantin



Keratan
akhbar BH
semalam.

Kumpulan berisiko dijangkiti penyakit berkenaan, katanya, adalah kanak-kanak berusia kurang 12 tahun, manakala gejala lebih teruk berlaku dalam kalangan bayi dan kanak-kanak berusia bawah lima tahun.

Terdahulu, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang mengesahkan kes jangkitan batuk kokol yang dikesan di Kampung Bahagia, Rompin adalah terkawal.

Pengarahnya, Datuk Dr Nor Azimi Yunus, berkata kes itu hanya membabitkan tiga individu, iaitu ibu dan dua anaknya di kampung berkenaan.

Mengulas lanjut, Dr Sharifa Ezat berkata, bagaimanapun untuk tahap keterukan batuk kokol dalam kalangan kanak-kanak, terutama bayi kurang setahun.

"Mereka perlu dimasukkan ke wad. Sebab dalam kes tertentu bayi boleh menjadi kebiruan, tidak boleh bernafas, maka sebab itu kita kena mengelak jangkitan daripada merebak melalui kuarantin.

"Bagi yang kuarantin pula, mereka perlu diberikan antibiotik dan menghabiskan mengikut sela masa ditetapkan dan dilanjutkan jika perlu," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

KKM rekod 23 kematian akibat batuk kokol sejak Januari

Putrajaya: Sebanyak 329 kes penyakit pertussis (batuk kokol) dengan 23 kematian dilaporkan di seluruh negara sejak Januari lalu.

Terbaharu Kementerian Kesihatan (KKM) menyiasat punca tiga sekeluarga di Kampung Bahagia, Rompin, Pahang, yang dijangkiti wabak pertussis.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa (*gambar*) berkata, siasatan awal mendapati punca jangkitan itu bermula daripada ibu sebelum menjangkiti dua anaknya, namun siasatan lanjut masih dijalankan.

"Penyakit pertussis sentiasa ada dalam negara dan ia diklasifikasikan sebagai



endemik," katanya selepas Majlis Menandatangani Nota Persefahaman (NoU) Kerjasama Strategik Bidang Kesihatan dan Kebommbaan antara KKM dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di sini, semalam. Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk

Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dalam kenyataannya berkata, ketiga-tiga pesakit itu diberikan rawatan dan berada dalam keadaan stabil.

"Pada masa ini tiada kes baharu yang dikesan di sekitar kawasan tempat tinggal kes," katanya menerusi kenyataan mengenai situasi terkini kes pertussis (batuk kokol) di Malaysia sehingga 19 Ogos (2023).

Beliau berkata sepanjang tahun ini, sehingga Sabtu lalu (19 Ogos), sebanyak 329 kes pertussis dengan 23 kematian dilaporkan di seluruh negara.

Jumlah itu bagaimanapun menurun 52.8 peratus berbanding 697 kes yang dicatatkan dalam tempoh

sama pada 2019.

Dr Muhammad Radzi berkata, daripada 329 kes pertussis yang dilaporkan tahun ini, 219 kes atau 66.6 peratus adalah melibatkan warganegara manakala baki 110 kes adalah bukan warganegara.

Beliau berkata, bayi berumur bawah 12 bulan adalah kumpulan umur yang mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 189 kes.

"Walaupun jangkitan adalah terkawal, KKM sentiasa berwaspada dan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan pertussis terus terkawal dan tidak menjadi masalah kesihatan utama di negara ini.

"Keutamaan KKM adalah untuk memastikan li-

putan imunisasi pertussis dalam kalangan kanak-kanak di negara ini kekal melebihi 95 peratus untuk memastikan golongan ini dilindungi daripada mendapat jangkitan," katanya menambah kanak-kanak terutama bayi adalah kumpulan yang rentan kepada jangkitan pertussis.

Di Malaysia, vaksin pertussis diberikan kepada kanak-kanak secara rutin pada umur dua, tiga, lima dan 18 bulan.

Ia diberikan dalam bentuk vaksin kombinasi enam serangkai difteria - tetanus - pertussis - polio - Hepatitis B - Haemophilus influenzae type b.

Sambil menggesa ibu bapa untuk memastikan

anak-anak mereka mendapatkan imunisasi lengkap mengikut Jadual Imunisasi Kebangsaan, Dr Muhammad Radzi berkata, kanak-kanak yang tercicir imunisasi boleh dibawa ke klinik kesihatan berhampiran bagi melengkapkan imunisasi mereka.

Pertussis adalah penyakit cegahan vaksin yang disebabkan oleh bakteria Bordetella pertussis dengan kuman disebarkan melalui udara semasa pesakit bersin atau batuk dan menjangkiti mulut, hidung dan tekak.

Gejala pertussis adalah batuk berpanjangan dalam tempoh satu hingga dua minggu dan boleh berlarutan sehingga dua bulan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

Buat pembedahan ketumbuhan otak secara sedar

HTAA lakar sejarah

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

KUANTAN – Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) melakar sejarah apabila menjadi hospital kerajaan pertama di Pantai Timur yang melaksanakan pembedahan secara sedar bagi mengeluarkan ketumbuhan dalam otak pada Isnin lalu.

Pembedahan melibatkan pesakit wanita berusia 38 tahun yang menderita sawan akibat ketumbuhan itu berjalan selama lima jam.


Pembedahan dijalankan Pakar Perunding Neurosurgi, Dr. Mohd. Aidil Mohd. Nor bersama Pakar Neurosurgi, Dr. Ramissh Paramasivam dan Dr. Vinodh Varaya Perumall dari hospital berkenaan.

Mereka dibantu bekas Pakar Perunding Neurosurgi Hospital Pulau Pinang, Dr. Mohammed Azman Mohammad Raffiq dan Pakar Perunding Neuroanestesiologi, Dr. Nahemah Hasanah dari Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, kaedah pembiusan *awake surgery* bagi pembedahan itu adalah yang pertama di hospital milik Kementerian Kesihatan (KKM) di Pantai Timur.

"*Awake surgery* mempunyai banyak kelebihan. Ia merupakan pembedahan selamat dan berkesan bagi pesakit dengan ketumbuhan kompleks dan berdekatan kawasan kritikal di otak.

"Jabatan Kesihatan Pahang berbangga dengan pencapaian ini. Semoga lebih ramai pesakit di negeri ini mendapat manfaat daripada rawatan ini selari de-



PAKAR melakukan pembedahan secara sedar bagi mengeluarkan ketumbuhan dalam otak pesakit wanita di HTAA, Kuantan, Isnin lalu.

ngan kemajuan teknologi semasa," katanya.

Menurut Nor Azimi, antara kebaikan kaedah pembedahan itu ialah pakar bedah dapat melakukan pemetaan lokasi tumor dengan tepat dan meminimumkan disfungsi saraf pasca pembedahan.

Ia juga berupaya mengurangkan sawan dan masa lebih singkat di Unit Rawatan Rapi selain tidak memerlukan pemantauan invasif pasca pembedahan.

Selepas pembedahan, kesakitan pesakit yang melalui prosedur tersebut juga kurang berbanding pembiusan penuh.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : DALAM NEGERI

KKM tidak wajibkan kanak-kanak ambil vaksin Covid-19

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan belum berhasrat mewajibkan pemberian vaksin Covid-19 kepada kanak-kanak berusia lima hingga bawah 12 tahun, meskipun menyedari peratusan vaksinasi bagi golongan itu masih rendah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, pemberian vaksin Covid-19 masih dijalankan secara sukarela, bagaimanapun kerajaan sangat menggalakkan golongan itu mendapatkan vaksin berkenaan.

"Pemberian vaksin Covid-19 sangat digalakkan termasuk kepada kanak-kanak berumur lima hingga bawah 12 tahun. Jika mereka sudah mencapai usia lima tahun dan masih tidak mengambil vaksin, maka mereka boleh diberi vaksin Covid-19.

"Suka saya maklumkan bahawa kadar kebolehhangkitan Covid-19 atau Rt diukur untuk semua lapisan umur di Malay-



PEMBERIAN vaksin Covid-19 sangat digalakkan termasuk kepada kanak-kanak berumur lima hingga bawah 12 tahun.

sia secara keseluruhan dan tidak mengira umur. Maka, nilai Rt sukar dikira memandangkan data kes adalah sangat minimum," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, sebanyak 3,119 kes positif Covid-19 bagi yang berumur lima hingga bawah 12 tahun telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan

sejak 1 Januari 2023 hingga 12 Ogos lalu.

Ditanya berhubung kadar vaksinasi bagi golongan kanak-kanak bagi semua kategori dos yang masih rendah, beliau berkata, Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) yang bermula 3 Februari 2022 menyaksikan jangkitan

wabak ketika itu menurun dan berlaku gelombang varian baharu dinamakan Omicron.

"Dalam tempoh tersebut, kanak-kanak yang dijangkiti mempunyai gejala ringan. Ini menimbulkan persepsi bahawa ibu bapa tidak perlu memberi imunisasi kepada kanak-kanak. Mereka yang dijangkiti sembuh dengan sendiri.

"Ibu bapa juga bimbang dengan kesan sampingan akibat vaksin setelah diuar-uarkan dalam media sosial. Pun begitu, kementerian menggalakkan pengambilannya sebagai langkah pencegahan daripada mendapat jangkitan dengan gejala yang teruk," katanya.

Sementara itu, Muhammad Radzi berkata, kementerian terus meningkatkan kadar vaksinasi dengan syor terkini daripada Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) melalui Strategic Advisory Group of Experts on Immunization (SAGE) iaitu kanak-kanak yang mempunyai *moderate to severe immunocompromise* untuk mengambil dos penggalak pertama.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : DALAM NEGERI

Industri vape berkembang 53 peratus

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Nilai runcit industri vape atau rokok elektronik Malaysia berkembang secara mendadak sebanyak 53 peratus daripada RM2.27 bilion pada 2019 kepada anggaran RM3.48 bilion pada tahun ini.

Setiausaha Agung Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM), Ridhwan Rosli berkata, perkembangan itu berdasarkan kajian Industri Vape Malaysia 2023 oleh pihaknya dan menyaksikan pertambahan jumlah pengguna disebabkan ramai perokok beralih kepada vape.

Katanya, kajian sama menyebutkan 31 peratus perokok di negara ini beralih sepenuhnya kepada vape manakala 69 peratus perokok menggunakan vape yang

mana separuh daripada mereka menggunakan alat itu untuk berhenti merokok.

“Kajian kami jelas menunjukkan bahawa industri vape terus berkembang dari masa ke semasa. Selain menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara dan membantu perokok berhenti merokok, ia juga membantu pertumbuhan usahawan tempatan dan mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan di seluruh rantaian bekalan, secara langsung dan tidak langsung,” katanya dalam kenyataan.

Katanya, data itu diperoleh melalui dua cara iaitu penglibatan langsung dengan pemain industri dan tinjauan pengguna dalam talian dengan kajian industri menunjukkan bilangan perniagaan vape berkembang sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, buat masa ini terdapat kira-kira 7,500 kedai runcit menjual produk vape dan 2,500 kedai runcit manakala kerja juga telah meningkat daripada 15,000 kepada 31,500 pada tahun 2022.

Beliau berkata, hasil kajian pengguna itu merumuskan bilangan pengguna vape yang menggunakan sistem terbuka dan sistem tertutup menurun masing-masing daripada 77 peratus dan 23 peratus pada 2019 kepada 50 peratus dan 18 peratus pada 2023 manakala sistem pakai buang dengan pantas mendapat bahagian pasaran sebanyak 32 peratus.

“Jumlah purata dibelanjakan untuk sistem terbuka dan tertutup dianggarkan sebanyak RM2.56 bilion setahun manakala perbelanjaan produk pakai buang

dianggarkan sebanyak RM925 juta setiap tahun,” katanya.

Katanya, kajian mendapati pengguna memilih vape kerana ia kurang memudaratkan berbanding rokok (45 peratus), membantu berhenti merokok (45 peratus) dan lebih murah daripada menghisap rokok (36 peratus).

Pada masa sama, beliau berkata, Malaysia terkenal di peringkat antarabangsa kerana kepakarannya dalam mengeluarkan produk vape berkualiti tinggi, khususnya e-cecair.

“Ini meletakkan kami pada kedudukan kukuh untuk menarik pelaburan langsung asing yang berkualiti ke dalam negara, sekali gus mengukuhkan ekosistem perniagaan vape,” katanya.

Bagaimanapun kata Ridhwan, pihaknya bimbang dasar

Generasi Penamat (GEG) kerana potensi kesan buruk usaha itu daripada segi ekonomi ke atas sektor berkenaan.

“Kami tertarik komitmen kerajaan untuk mengawal selia industri vape melalui pengenalan rangka kerja percukaian dan pembentangan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok untuk Kesihatan Awam 2023 (Rang Undang-undang).

“Namun, dasar GEG yang merupakan sebahagian daripada Rang Undang-undang membimbangkan DPVM,” katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan dasar GEG boleh membantutkan pertumbuhan industri dan menyebabkan kehilangan pekerjaan dan menjejaskan kehidupan ramai individu terutamanya mereka dalam komuniti bumiputera.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes • THURSDAY, AUGUST 24, 2023

7

Air ambulance boost for Fire and Rescue Dept

NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE recently launched Emergency Medical Air Ambulance Rescue Services (Emars) is a boost in capability to the Fire and Rescue Department.

Department deputy director-general (development) Datuk Nor Hisham Mohammad recently said Emars could respond faster to emergencies, especially in remote and hard-to-reach areas.

"Air ambulance emergency services are increasingly needed, especially in remote areas, such as ferrying patients from Orang Asli villages that are difficult to travel by road."

"Our helicopters are also used to transport doctors and medical officers as well as equipment to remote areas."

"Emars, an innovation of the department, can help the Health Ministry and expand the department's services."

"In cases where our personnel find it difficult to access remote or inaccessible areas due to difficult terrain or traffic congestion, Emars

can provide vital assistance."

He said Emars could rescue accident victims in highways and provide emergency first aid to victims before they are taken to hospital, as well as to transport transplant organs.

Local Government Development Minister Nga Kor Ming and Health Minister Dr Zaliha Mustafa launched Emars on April 14.

Nga, at the launch, said Emars, which started operations on May 1, was expected to save the government RM75 million over the five-year administration of the unity government, or RM15 million annually.

Before Emars, Nga said, the government had spent RM20 million per year by using private sector services, such as doctors and medical workers, in rural areas.

Emars now operates only in the peninsula, and the service will be expanded to Sabah and Sarawak once more allocation is obtained.

The air ambulance service uses an Agusta AW109E helicopter, which has been modified and equipped with emergency medical equipment.

The helicopter, which is stationed at the Subang Central Region Air Base, can accommodate seven passengers, including the pilot, medical

officer and two victims.

Emars was one of the main elements in the note of understanding (NoU) between the Local Government Development Ministry and the Health Ministry, which was signed on Tuesday.

The NoU was inked by Local Government Development Ministry secretary-general Datuk M. Noor Azman Taib and Health Ministry deputy secretary-general (finance) Datuk Seri Norazman Ayob.

The signing ceremony was witnessed by Dr Zaliha and Nga.

The NoU would see collaborations in disaster management, use of resources, sharing of expertise and knowledge, and management of financial allocations.

Nor Hisham said the collaboration between the department and the Health Ministry started in 2016 through the Blue Ocean Strategy initiative, where an exchange of letter was signed for the collaboration of pre-hospital and ambulance care services.

"Through this collaboration, the department has received aid from the ministry for the Advance First Responder Training (basic course) by training our personnel until they



Datuk Nor Hisham Mohammad

receive recognition and become members of the Emergency Medical Rescue Services (EMRS) team.

"The department has 1,860 medical personnel accredited by the Health Ministry for the EMRS team and they have been assigned to 197 fire and rescue stations nationwide."

"This includes 104 examining officers, who make sure the competence and skills of EMRS personnel are up to the required level."

He said the department was hoping to have more of its personnel

trained and be members of the EMRS.

Meanwhile, the department's Air Division director, Datuk Nazili Mahmood, said: "We hope to increase our air service capacity with the addition of aircraft, especially medium-category helicopters and medical equipment."

"This is important given the increasing number of emergency cases requiring air assistance and the increasingly complex disaster risk."

The department's air division was established on Sept 16, 1998, with two Mi-17-1V helicopters.

The unit has expanded with the acquisition of several helicopters and the expansion of its air base.

The department now has eight aircraft and has airbases in Bertam, Penang; Subang in Selangor; and Miri in Sarawak.

Nazili said the department had held collaborations with other government agencies, such as the Orang Asli Development Department (Jakoa) and the Malaysian Highway Authority, involving the use of air assets (Emars) and more responsive and effective disaster management.

"This cooperation will be extended to other agencies, such as the Prisons Department."



Local Government Development Minister Nga Kor Ming (third from left) and Health Minister Dr Zaliha Mustafa (fourth from left) witnessed the signing of the note of understanding between the Local Government Development Ministry and the Health Ministry on Tuesday.